

HAK-HAK KEJIRANAN MENURUT PERSPEKTIF AL-SUNNAH

SURIANI SUDI
suriani@kuis.edu.my

HALIMATUS SA'DIAH BINTI MOHD. TAHA
halimatussadiyah1810@gmail.com

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Islam menitik beratkan hubungan harmoni dan persaudaraan di antara satu sama lain. Kedudukan jiran sangat penting dalam Islam namun dalam kepesatan teknologi dan kemodenan manusia hari ini ramai yang sudah melupakan hak jiran dan tanggungjawab di antara satu sama lain sebaliknya hanya mementingkan diri sendiri. Kajian ini bertujuan mengkaji hak-hak kejiranan menurut perspektif Al-Sunnah. Kefahaman tentang konsep kejiranan perlu dirungkai kerana ia merupakan faktor utama kepada kehidupan masyarakat yang harmoni. Kajian ini menggunakan metode kajian teks yang akan mengumpulkan hadis-hadis berkaitan hak-hak kejiranan yang terdapat di dalam Sahih Bukhari dan Muslim. Hasil kajian mendapati sunnah sangat menekankan berkaitan hak-hak kejiranan dan ia merupakan antara batu asas untuk membentuk sebuah kehidupan yang harmoni.

Kata kunci: *Jiran, hak, sunnah, hadis*

1. Pendahuluan

Zaman kemodenan sekarang, teknologi semakin berkembang dan terlalu banyak kemudahan yang dapat diperolehi. Dengan itu, sebahagian dari masyarakat sekarang hanya menghabiskan masa di dalam rumah. Sudah tidak lagi menghiraukan orang sekeliling. Justeru itu, kajian ini akan membincangkan tentang hak-hak kejiranan menurut Al-Sunnah bagi membuka mata masyarakat betapa pentingnya hidup berjiran serta menjaga hak sesama jiran. Bagi sesetengah orang, jiran tidak lebih sekadar mereka yang tinggal berhampiran rumah dan tidak ada kaitan dengan hidupnya. Tidak perlu menghormati mereka, apatah lagi mengambil berat dan beradab sesama jiran. Pandangan seperti ini sebenarnya jauh tersasar kerana Allah SWT sendiri memerintahkan umat Islam saling berbuat baik kepada jiran tetangga. Menyedari betapa tinggi dan pentingnya kedudukan jiran di dalam masyarakat Islam dan peranannya dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat, Allah SWT berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud :

Maksudnya : Dan hendaklah kamu beribadah kepada Allah dan janganlah kamu menyekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, ibnu sabil dan hamba sahayamu.(an-Nisa': 36).

Islam menitik beratkan hubungan harmoni dan persaudaraan di antara satu sama lain dan agama Islam ialah sebaik-baik agama yang menghubungkan pertalian dan kebaikan di antara sesama manusia. Kedudukan jiran sangat penting dalam Islam namun dalam kepesatan teknologi dan kemodenan manusia hari ini ramai yang sudah melupakan hak jiran dan tanggungjawab di antara satu sama lain sebaliknya hanya mementingkan diri sendiri.

Sepertimana yang dapat dilihat, manusia pada hari ini sibuk membina rumah besar dan memasang pagar tinggi-tinggi dengan dinding tembok yang tebal sehingga memisahkan dirinya dari jiran sebelah dan hidup sendiri tanpa mempedulikan orang lain.(Emran Ahmad Omar 2006). Antara pesanan Nabi SAW berkaitan hal ini ialah jangan meninggikan dinding kerana ia akan menghalang laluan angin dan penglihatan kecuali dengan izin mereka.

Justeru, urusan berkaitan kejiranan perlu dijaga dengan baik. Banyak kes kejiranan tidak dapat diselesaikan disebabkan masing-masing tidak mahu mengalah. Mereka menganggap perkara itu bersifat peribadi yang mana menjadi haknya melakukan apa yang diinginkan. Ungkapan 'peduli apa dengan orang lain' biasa diucapkan oleh mereka yang mementingkan diri sendiri. Bagi memastikan hubungan kejiranan berlainan agama berjalan baik, setiap jiran perlu memahami dan mengetahui sedikit sebanyak mengenai jirannya berkaitan cara hidup, agama, budaya dan pantang-larang mereka. (Lokman Ismail, 26/12/2007)

Sikap peka dan mengambil tahu masalah jiran tetangga, kini dilihat semakin pudar dalam kalangan masyarakat negara ini. Justeru itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, menggesa sikap prihatin itu kembali diamalkan supaya jiran yang sedang kesusahan dapat dibantu, seterusnya mewujudkan komuniti yang sejahtera. (Berita Harian,2017)

Masyarakat pada masa ini sangat mementingkan diri sendiri dan membuat sesuatu perkara tanpa memikirkan kesan terhadap orang sekeliling. Seperti yang berlaku kepada penduduk di Gombak yang rumahnya mengalami banjir lumpur yang disebabkan oleh perbuatan jirannya yang menambak tanah sehingga menutup rumah jiran sebelah menyebelah. (Harian Metro, 2017). Allah SWT melarang hambanya melakukan perbuatan yang tidak baik kepada manusia. Seperti dalam surah An-Nahl yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dan memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran.” (Surah An-Nahl:90)

Islam ialah agama yang meraikan hubungan sesama manusia. Allah tidak sekadar menyuruh hambanya untuk solat, puasa dan melakukan ibadah khusus yang lain semata-mata. Sebaliknya dituntut untuk menjaga hubungan kemasyarakatan. (Mohd Khairul Nazrin Abd Nashir, t.t). Islam bukan sekadar menjaga hubungan kita dengan Allah sahaja, bahkan hubungan sesama makhluk juga perlu di jaga. Terutama sekali jiran. Seperti yang disebut di dalam Al-Quran dalam surah al-Nisa' ayat 36 yang bermaksud : "Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukanNya dengan sesuatu pun. Dan berbuat baiklah kepada kedua-dua ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim, orang miskin, jiran yang dekat dan jauh, teman sejawat, ibnu sabil (musafir yang kesusahan) dan hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membangga diri".

Menurut Menteri Besar, Datok Seri Adnan Yaakob berkata, mengenali jiran di sekeliling kawasan tempat tinggal boleh menjamin keselamatan jika berlaku sesuatu yang tidak diinginkan. Beliau juga berkata ketika merasmikan Program Kenali Jiran dan Komuniti Satu Malaysia di Padang Sri Inderaputra bahawa pada zaman Rasulullah sendiri, baginda menyarankan umat Islam agar mengenali 40 jiran tetangga di sekeliling mereka kerana ia bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan, malah secara tidak langsung memberikan pelbagai faedah lain kepada masyarakat dalam konteks pembangunan negara. (SinarHarian 2013)

2. Metodologi Kajian

Pengkaji telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan dengan cara mengenalpasti hadis-hadis yang berkaitan dengan kejiranan dari kitab *Sahih Bukhari* dan mengumpulkan hadis-hadis tersebut seterusnya meletakkan tema yang bersesuaian untuk hadis-hadis yang ditemui.

3. Perbincangan Hasil Kajian

Pada bahagian ini penulis akan mulai dengan perbincangan berkaitan definisi jiran seterusnya hadis-hadis yang ditemui di dalam Sahih Bukhari berkaitan jiran.

3.1 Definisi Jiran

Jiran biasanya difahami sebagai individu yang tinggal berdekatan antara satu sama lain. Namun terdapat banyak pembahagian yang mendefinisikan maksud jiran tersebut. Berdasarkan Kamus Dewan edisi keempat (2010), jiran ialah orang yang berada dekat dengan rumah. Perkataan jiran dalam bahasa Arab pula untuk tunggal adalah *al-Jar* dan pluralnya adalah *al-Jiran*. Perkataan ini kemudiannya diserap ke dalam bahasa melayu menjadi jiran yang bermaksud tetangga. Manakala jiran menurut syarak ialah orang yang berdekatan dengan rumah sama ada di kanan, kiri, di depan atau belakang mahupun di tingkat atas ataupun bawah hingga 40 rumah dari setiap sudut.

Ulama Mazhab Syafi'i dan Hambali mentafsirkan jiran sebagai 40 buah rumah dari segala arah iaitu depan, belakang, kanan, kiri dan lain-lain. Manakala Ulama Mazhab

Maliki pula mentafsirkan jiran sebagai mereka yang berdampingan (di sekeliling) atau bertentangan dengan hanya dipisahkan oleh jalan yang sempit, bukan pula dipisahkan oleh sesuatu pemisah yang besar seperti pasar atau sungai yang lebar. Atau mereka yang disatukan oleh sebuah masjid yang sama atau yang berada antara dua masjid yang berdekatan. (Mohd. Khairul Nazrin t.t)

Berkata Al-Hafidz Imam Ibn Hajarra :“ Maksud nama jiran itu ialah merangkumi baik yang muslim atau yang kafir, baik yang beribadah atau yang fasiq, baik rakan atau musuh, baik yang asing atau yang senegeri, baik yang memberi manfaat atau mudharat serta baik yang mempunyai kekeluargaan atau yang tidak ada hubungan atau juga yang berhampiran rumahnya atau yang jauh rumahnya dan kesemuanya memiliki hak dan kedudukan antara satu sama lain.”(Al-Syalhub,2010)

Menurut kata-kata Al-Hafidz Imam Ibn Hajarra, maksud jiran ini meliputi jiran islam dan juga bukan islam. Perkara ini dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang bermaksud : “Empat puluh buah rumah tetap sebagai jiran tetangga”.(Mohd Azmir 2009). Maka maksud hadith tersebut empat puluh buah rumah termasuklah yang bukan Islam. Tidak kira jarak antara rumah itu jauh ataupun tidak, miskin mahupun kaya tetap juga dikira jiran. Bila namanya jiran, setiap orang perlu ada sikap hormat menghormati dan saling bertolak ansur antara satu sama lain.

3.2 Hadis-hadis Berkaitan Jiran

Di bawah tajuk ini, penulis datangkan hadis-hadis terdapat di dalam Sahih Bukhari berkaitan Jiran. Hadis-hadis kemudiannya di susun berdasarkan tema-tema yang terdapat di dalam hadis.

3.2.1 Menghormati tetangga

Hadis di bawah menyatakan kepada perlunya menghormati jiran.

عَنْ سَعِيدٍ عَنْ أَبِي شُرَيْحٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ، وَاللَّهُ لَا يُؤْمِنُ،
وَاللَّهُ لَا يُؤْمِنُ، قِيلَ : وَمَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ : الَّذِي لَا يَأْمَنُ جَارُهُ بَوَائِقِهِ.

Dari Sa'id, dari Abu Syuraih, sesungguhnya Nabi SAW bersabda, "Demi Allah tidak beriman, demi Allah tidak beriman, demi Allah tidak beriman." Dikatakan, "Siapa wahai Rasulullah?" Beliau bersabda, "Orang yang tetangganya tidak merasa aman dari

gangguannya/keburukannya.” (Sahih Bukhari. Kitab Adab. Bab ismi man la ya’man jaruhu bawa’iqah. No.hadis 5584)

Ibnu Batal (2009) menghuraikan hadis ini di dalam kitab Fathul Bari dengan menyatakan bahawa pada hadis ini terdapat penegasan tentang hak tetangga kerana Nabi SAW bersumpah atas hal itu dan diulang sumpah itu sehingga tiga kali. Disebutkan juga penafian iman dari yang mengganggu tetangganya baik berupa perkataan maupun perbuatan, maka dapat difahami bahawa mereka yang menyakiti dan mengganggu jirannya, tidak sempurna imannya.”

Di dalam riwayat Ahmad juga menyebut ‘demi Allah tidak beriman’ itu sebanyak tiga kali. Selain itu, Abu Ya’la meriwayatkan dari hadis Anas ‘tidaklah dia sebagai mukmin’ dan Tabrani meriwayatkan dari hadis Ka’ab bin Malik ‘tidak akan masuk ke syurga’ iaitu bagi orang-orang yang tidak beriman. (Abu Muhamad Mahmud bin Ahmad 2001)

Sebelum seseorang itu hidup bermasyarakat, ia perlu memilih tempat tinggal yang selesa untuk didiami. Ada pepatah mengatakan ‘al-jar qabla al-dar’ yang bermaksud pilih jiran dahulu sebelum memilih rumah. Ini kerana, jiran yang baik akan membantu mewujudkan suasana yang baik sekaligus mempengaruhi kebahagiaan hidup seseorang. Buktinya, Rasulullah s.a.w berpesan :

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَرْبَعٌ مِنَ السَّعَادَةِ : الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ ، وَالْمَسْكَنُ الْوَاسِعُ ، وَالْجَارُ الصَّالِحُ ،
وَالْمَرْكَبُ الْهَنِيءُ ، وَأَرْبَعٌ مِنَ الشَّقَاوَةِ : الْجَارُ السُّوءُ ، وَالْمَرْأَةُ السُّوءُ ، وَالْمَسْكَنُ الضَّيِّقُ ، وَالْمَرْكَبُ السُّوءُ .

“Empat daripada kebahagiaan : perempuan yang solehah, tempat tinggal yang luas, jiran yang soleh, kenderaan yang selesa, dan empat daripada kecelakaan : jiran yang jahat, perempuan yang jahat tempat tinggal yang sempit dan kenderaan yang teruk”. (Sahih Ibnu Hibban, Kitab Nikah, Bab zikrul ihbari ‘anil ashya’il lati hiya min..., No Hadis : 4122)

Tetapi pada zaman sekarang ini pemilihan jiran agak sukar dilakukan kerana faktor rumah yang dibeli bersifat perumahan sekali gus. Satu usaha yang boleh dilakukan adalah dengan melihat kepada suasana tempat tinggal yang berdekatan dengan masjid atau surau, kawasan yang tidak banyak timbul masalah soaial dan sebagainya. Ini dapat membantu seseorang untuk hidup dalam keadaan aman dan selesa. (Ahmad Fauwaz Fadzil,t,t).

Antara perkara yang mengganggu hak jiran ialah membuka tingkap sehingga mungkin ia dapat melihat dan memerhatikan apa yang berlaku di rumah jirannya atau si jiran tidak selesa melakukan sesuatu kerana merasakan kemungkinan dirinya diperhatikan oleh jirannya disebelah melalui tingkap yang dibuka. (Zulkifly Muda 2009).

Pergaulan yang baik terhadap manusia adalah jalan yang penting untuk mendapatkan pahala dan penghargaan. Seseorang islam yang mengabaikan tanggung jawabnya terhadap Allah di ampunkan dosanya apabila bertaubat, tetapi kesalahan terhadap masyarakat kerana menyakitinya atau memusuhinya tidak diampunkan selagi tidak meminta maaf kepada orang yang disakitinya. (Fadilah Hj. Said 1980).

3.2.2 Menghargai tetangga

Hadis di bawah menyatakan kepada perlunya menghargai jiran tetangga.

عَنْ سَعِيدٍ -هُوَ الْمُقْبِرِيُّ- عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :
يَا نِسَاءَ الْمُسْلِمَاتِ، لَا تَحْقِرَنَّ جَارَةً لِجَارَتِهَا وَلَوْ فَرَسِينَ شَاةً .

Dari Sa'id –Al Maqburi-, dari bapanya, dari Abu Hurairah RA, dia berkata: Nabi SAW bersabda, “Wahai perempuan-perempuan muslimah, janganlah seorang tetangga menganggap remeh pemberian tetangganya meskipun hanya berupa kaki kambing.” (Sahih Bukhari. Kitab Adab. Bab La Tahqiranna jarah lijaratiha. No.hadis 5585)

Ibnu Hajar Al-Asqalani (2009) di dalam kitab Fathul Bari menjelaskan maksud kalimah ‘*meski hanya berupa kaki kambing*’ ialah janganlah seseorang itu memandang rendah terhadap setiap pemberian jiran walaupun yang dihadaiahkan itu adalah sesuatu yang kurang bermanfaat. Perintah ini ditujukan secara khusus kepada perempuan kerana mereka sangat cepat memberikan reaksi jika mereka tidak suka terhadap sesuatu perkara. Al-Karmani berkata, “Mungkin larangan ini ditujukan kepada yang memberi dan mungkin juga kepada yang diberi.”

Abu Muhamad Mahmud bin Ahmad (2001) di dalam kitab ‘Umdah Al Qari pula mensyarahkan kalimah ‘*janganlah seorang tetangga menganggap remeh*’ larangan tersebut bermaksud janganlah seseorang jiran itu menghalang atau menolak pemberian daripada jirannya hanya kerana memandang pemberian itu sedikit dan hina, bahkan hendaklah ia berbesar hati pemberian tersebut walaupun ia sedikit seperti kaki kambing kerana ia lebih baik daripada langsung tiada. Kalimah *al-firsan* itu digunakan untuk unta dan binatang tunggangan yang lain. Dan kadang-kadang digunakan untuk kambing. Ada juga yang mengatakan ia adalah tulang kuku kaki.

Setiap orang perlu menghargai segala pemberian jiran walaupun barang yang diberikan itu tidak seberapa harganya. Pemberian itu boleh menimbulkan serta melahirkan persaudaraan dan kasih sayang seterusnya merapatkan hubungan sesama jiran. Walaupun barang yang diberikan itu tidak bermanfaat pada ketika itu, mungkin ia akan memberi manfaat pada masa seseorang itu memerlukannya. (Halim al-Majidi 2013).

Baginda Rasul SAW juga memberi pesanan agar sentiasa memberi makanan kepada jiran sebagaimana yang disebutkan di dalam hadis di bawah;

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا طَبَخْتَ قِدْرًا ، فَأَكْثِرْ مَرَقَتَهَا ، فَإِنَّهُ أَوْسَعُ لِلْأَهْلِ وَالْجِيرَانِ

"Dari Abu Dzar dia berkata : Rasulullah s.a.w bersabda : “Wahai Abu Dzar, apabila kamu memasak kuah sayur, maka perbanyaklah airnya, dan berikanlah sebahagiannya

kepada tetanggamu.” (Sahih Ibnu Hibban, Kitab al bir wal ihsan, Bab al jar, No hadis 518).

Abu Dzar pada waktu itu adalah salah seorang sahabat Rasul yang paling miskin. Ertinya tidak ada alasan bahkan bagi orang yang miskin sekalipun untuk tidak menunaikan hak-hak kejiwaan.(Utsman Nuri Topbas 2013)

3.2.3 Larangan Menyakiti Tetangga

Hadis di bawah menyatakan kepada larangan menyakiti jiran tetangga.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُقِلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ.

Dari Abu Shalih, dari Abu Hurairah RA, dia berkata, “Rasulullah SAW bersabda, ‘Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir maka janganlah menyakiti tetangganya, dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir hendaklah memuliakan tamunya, dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir hendaklah mengatakan yang baik atau diam’. (Sahih Bukhari. Kitab Adab. Bab man kana yu’min billahi walyaumil akhir fala yu’azu jarah. No.hadis 5672)

Ibnu Hajar Al Asqalani (2009) dalam kitab Fathul Bari mensyarahkan ayat ‘*Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir*’ dengan maksudnya sesiapa yang beriman kepada Allah yang menciptakannya dan beriman bahawa Dia akan membalas segala amal baik manusia, maka hendaklah melakukan hal-hal yang disebutkan iaitu jangan menyakiti jiran. *فَلَا يُؤْذِ جَارَهُ* (maka janganlah menyakiti tetangganya). Selain itu, dalam hadis Abu Syuraih menyebut ‘*hendaklah memuliakan jiran*’. Imam Muslim meriwayatkan dari Abu Hurairah melalui al-A’masy, dari Abu Shalih, ‘*hendaklah berbuat baik kepada jiran*’. Kalimah ‘*memuliakan tetangga*’ dan ‘*berbuat baik kepadanya*’ ada juga disebut dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ath-Tabrani dari Bahz bin Hakim, dari bapanya, dari datuknya dan Al Khara’ithi pada pembahasan tentang akhlak mulia dari hadith Amr Bin Syu’aib, dari bapanya dan dari datuknya.

Al-‘Aini (2001) di dalam kitab ‘Umdah Al Qari Syarah Sahih Bukhari juga mensyarahkan ayat *فَلَا يُؤْذِ جَارَهُ* dengan maksud jika seseorang itu percaya kepada Allah yang menciptakannya dan bahawa Allah akan membalas segala amalnya pada hari

kiamat dengan balasan yang baik atau yang buruk, maka dia tidak akan membahayakan atau menyakiti jirannya.

Hidup berjiran perlu ada sikap menghormati sesama jiran khususnya mengalakkan diri dari mengganggu ketenteraman jiran. Contohnya, membuat bising di kawasan perumahan ketika jiran sedang tidur, sembahyang dan sebagainya. Islam juga menyarankan agar ikatan hubungan manusia dijalinan tanpa mencetuskan perkara yang boleh menyakiti hati jiran seperti berprasangka buruk kepada orang lain tanpa sebarang sebab (Mohd Azmir 2009). Menyakiti jiran bukan hanya bermaksud mencederakan tubuh badan mereka sebaliknya ia juga bermaksud menimbulkan rasa tidak selesa, tidak tenteram dan kurang senang dengan sikap kita yang berjiran dengannya. Jiran yang paling buruk ialah jiran yang ditinggalkan oleh jirannya kerana takut akan kejahatannya, mereka menjauhinya untuk menghindari perbuatan berbahaya yang dilakukan oleh jirannya. (Sholeh Fauzan, 2007).

3.2.4 Menjaga Hak Tetangga Yang Terdekat

Hadis di bawah menyatakan kepada perlunya menjaga hak jiran yang terdekat.

عَنْ أَبِي عِمْرَانَ قَالَ : سَمِعْتُ طَلْحَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ لِي جَارَيْنِ،
فَأِلَى أَيِّهِمَا أُهْدِي؟ قَالَ : إِلَى أَقْرَبِهِمَا مِنْكَ بَابًا.

Dari Abu Imran, dia berkata: Aku mendengar Thalhah, dari Aisyah, dia berkata : Aku berkata, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku memiliki dua tetangga, kepada siapa di antara keduanya yang aku berikan hadiah?” Beliau bersabda, “Kepada yang paling dekat pintunya kepadamu”. (Sahih Bukhari. Kitab Adab. Bab hak aljawar fi qarbul abwab. No.hadis 5674)

Al Asqalani (2009) di dalam kitab Fathul Bari mensyarahkan kalimah ‘*paling dekat di antara keduanya*’. Kelebihan menjaga hubungan dengan jiran yang dekat adalah mereka lebih cepat mendapat maklumat atas apa yang terjadi kepada jirannya, terutama sekali pada waktu yang sunyi seperti malam ataupun waktu bekerja. Pada umumnya manusia sememangnya ada sifat ingin tahu dan mereka akan memberikan perhatian lebih kepada jiran yang dekat. (Al-Syalhub, 2010). Disebabkan itu perlu mendahului jiran yang lebih dekat berbanding jiran yang jauh.

Al Asqalani (2009) juga menyatakan berkaitan batas tetangga. Disebutkan dari Ali RA, “Barangsiapa mendengar seruan, maka dia tetangga”. Kemudian dari Aisyah, “Batasan tetangga adalah empat puluh rumah dari semua arah.” Ibnu Wahab meriwayatkan dari Yunus, dari Ibnu Syihab, “Empat puluh rumah rumah dari kanan dan kiri, belakang dan depan”. Al-‘Aini (2001) di dalam kitab ‘Umdah Al Qari syarah Sahih Bukhari, Al-Kirmani mensyarahkan kalimah (بَابًا) iaitu pintu yang paling dekat.

Dengan adanya jiran yang dekat, adalah lebih mudah untuk memberi dan menerima bantuan. Dalam konteks membantu, dapat diklasifikasikan dalam pelbagai bentuk. Antaranya membantu membersihkan kawasan perumahan dalam erti kata lain bergotong-royong. Dengan cara ini dapat meringankan beban diri sekeluarga dan juga ahli jiran yang lain. Ini juga dapat memupuk semangat kejiranan di setiap perumahan. Dengan adanya semangat kejiranan, juga akan dapat mencegah daripada terjadinya kes-kes jenayah seperti mencuri, menculik, peras ugut dan sebagainya.

4. Kesimpulan

Kajian mendapati menjaga hak-hak jiran adalah satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan bermasyarakat. Islam amat menitik beratkan akan penjagaan hak-hak jiran sehingga menganggap seolah-olah jiran akan mewarisi harta seseorang. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat tema yang didatangkan oleh hadis-hadis berkaitan jiran. Pertama; menghormati jiran tetangga, kedua; menghargai tetangga, ketiga; larangan menyakiti tetangga dan keempat; menjaga hak tetangga yang terdekat. Kajian juga mendapati, dengan menjaga hak-hak jiran akan melahirkan masyarakat yang bertoleransi, hormat antara satu sama lain dan seterusnya menjadikan suasana kehidupan bermasyarakat yang aman damai serta sejahtera.

Rujukan

- al-‘Aini Badruddin Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad. 2001. *‘Umdah al-Qari Syarah Sahih al-Bukhari*. Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Syalhub Fuad Abdul Aziz, 2010, *Adab Dalam Islam*, Selangor: Penerbit Al-Hidayah Publication.
- Bukhari, Abu Abdullah Muhammad B. Ismail B. Ibrahim B. al-Mughirah. 1992. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Halim al-Majidi, 2013, *Keindahan Akhlak Rasulullah*, Selangor: Penerbit Pustaka Ilmuwan.
- Ibnu Hajar Al-Asqalani, 2009, *Fathul Baari Penjelasan Kitab: Shahih Bukhari*, Indonesia : Penerbit Buku Islam Rahmatan.
- Kamus Dewan. (2010). Ed. keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, 2009, *Memupuk Kesedaran Tanggungjawab Sosial Melalui Penglibatan Dalam Aktiviti Kejiranan Dari Kaca Mata Islam*, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Majalah Al-Ustaz, 2013, *Siapa Jiranmu?*, Selangor : Penerbit Telaga Biru.

Saleh Fauzan, 2007, *Adab Seorang Muslim Dengan Masyarakat*, Selangor : Penerbit Jasmin Enterprise.

Utsman Nuri Topbas, 2013, *Keunggulan Sahsiah Rasulullah SAW*, Istanbul : Penerbit Erkam. Istanbul.

Zulkifly Muda, 2009, *Apa Kata Islam Mengenai Hubungan Sosial*, Selangor : PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1226&pub=Utusan_Malaysia&ec=Rencana&pg=re_09.htm#ixzz50UCfgqLM

<https://www.hmetro.com.my/setempat/2017/06/236000/tambak-tanah-susahkan-jiran>

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/10/337264/sikap-prihatin-dalam-kejiranan-semakin-pudar>

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20131225/ba_02/Janganlah-menyakiti-jiran-tetangga#ixzz4WOkxqTK5